

01/01/1998

Berkorban pulih ekonomi: Mahathir (HL)

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru semua rakyat supaya berkorban untuk memulihkan ekonomi negara yang meruncing sekarang, termasuk menabung dan melabur dengan keyakinan walaupun wang yang disimpan akan susut nilainya jika nilai ringgit terus jatuh.

Dalam perutusan Tahun Baru 1998, Perdana Menteri berkata, banyak tekanan dan pengorbanan yang perlu dipikul rakyat kerana negara tidak mempunyai pilihan lain untuk mengelak meminjam wang daripada kuasa asing.

"Jika kita kurang percaya kepada mata wang kita dan dengan itu, kita tidak menabung atau melabur, sebaliknya kita tukar kepada mata wang asing atau kita simpan di luar negeri, perbuatan ini tetap akan menjatuhkan nilai mata wang kita.

"Sebaliknya, jika kita tekun menabung dan membeli serta menyimpan saham, mata wang kita tidak akan jatuh secara mendadak," katanya dalam perutusan yang disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen, malam ini.

Dr Mahathir berkata, memelihara nilai ringgit adalah tanggungjawab bersama yang penting di kalangan setiap rakyat kerana orang lain tidak akan mempertahankannya.

Katanya, ringgit tidak akan hilang kuasa membeli barangan dan khidmat dalam negara sama dengan susutan yang melebihi 30 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat sejak Julai lalu.

Beliau mengulangi kenyataannya bahawa Malaysia tidak akan meminjam daripada badan antarabangsa kerana ia bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

"Kuasa asing akan mengenakan pelbagai syarat yang akan menyebabkan penderitaan rakyat lebih berat dan mereka memaksa kerajaan menaikkan cukai ke atas orang yang sudah menjadi miskin, menaikkan faedah pinjaman dan menutup sebahagian besar bank dan syarikat kewangan," katanya.

Perdana Menteri berkata, mereka akan paksa bank dan syarikat gergasi asing dibenar masuk dan mengambil alih bank-bank dan syarikat di negara ini dan menjalankan dasar yang hanya bertujuan meningkatkan keuntungan mereka seberapa tinggi yang boleh.

"Kita tidak lagi akan bebas. Rakyat akan menganggur dan menderita, inilah pilihan yang ada jika kita tidak sanggup berkorban sedikit," katanya.

Menurut Dr Mahathir, beliau bukan memberikan gambaran itu untuk menakutkan rakyat tetapi ia adalah perkara yang sudah berlaku di beberapa negara yang menerima syarat-syarat pinjaman asing.

"Dalam menghadapi cabaran ekonomi sekarang, rakyat tidak boleh berputus asa dan menyerah kalah, sebaliknya mereka mesti sanggup menghadapi cabaran, sanggup berkorban dalam mempertahankan kemerdekaan dan maruah negara.

"Perjuangan kita bukan sahaja belum selesai tetapi sudah menjadi lebih genting," kata Perdana Menteri.

Sambil mengucapkan syukur terhadap sokongan yang dinyatakan oleh semua lapisan rakyat terhadap kerajaan dan dirinya sendiri dalam usaha menangani kegawatan ekonomi yang berlaku, Dr Mahathir meminta sokongan itu dibentuk menjadi tindakan dan amalan yang boleh memulihkan ekonomi negara.

"Alhamdulillah, tekanan ke atas kita menyebabkan rakyat Malaysia daripada semua kaum lebih bersatu padu dan menyokong tindakan kerajaan mempertahankan kedaulatan dan kebebasan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, untuk menjimatkan perbelanjaan, kerajaan akan

menggugurkan beberapa rancangan atau melambatkannya di samping memotong gaji kakitangan kerajaan bergaji tinggi, anggota Kabinet dan ahli politik dalam kerajaan, manakala kenaikan gaji tahunan kakitangan awam kumpulan A dan B ditangguh.

(END)